



Mencapai Kejayaan

Great Eastern Takaful Berhad
Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Laporan Tahunan
31 Disember 2022

KANDUNGAN

- 1 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 4 Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan
- 5 Objektif-objektif Dana
- 6 Ulasan dan Prospek Pelaburan
- 9 Prestasi Dana 2022
- 11 Parbandingan Prestasi Dana
- 18 Penyata oleh Pengurus
- 19 Laporan Jawatankuasa Syariah
- 20 Laporan Juruaudit Luar
- 23 Penyata-penyata Aset dan Liabiliti
- 24 Penyata-penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
- 25 Penyata-penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 26 Nota kepada Maklumat Kewangan

Pemegang Unit yang Dihormati,

Di Great Eastern Takaful, kami sentiasa memperkuuhkan keyakinan kami terhadap penyelesaian takaful kami dan memberi keutamaan kepada keperluan rakyat Malaysia yang semakin meningkat dalam apa jua yang kami lakukan. Dengan jalinan usaha sama baharu, penawaran pelan perlindungan, pendigitalan produk dan perkhidmatan serta pasukan pengedaran yang sentiasa berkembang, kami meningkatkan peluang untuk para pelanggan dan rakyat Malaysia untuk menghadapi keadaan ekonomi yang mencabar melalui perlindungan kesihatan dan kewangan kami yang komprehensif.



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Tahun fiskal yang lalu merupakan salah satu fasa peralihan yang dinamik bagi kami. Secara kolektif, kami telah membuat perubahan daripada cara bekerja semasa era pandemik kepada pendekatan perniagaan yang dirasionalisasikan, diperkemas dan dimodernkan untuk mencapai pertumbuhan komersial yang lebih baik. Mencerminkan prestasi pelaburan tahun kewangan 2022, kejayaan pelaksanaan strategi pelaburan yang diimplementasi sejak permulaan tahun menunjukkan pulangan Dana i-Makmur yang lebih baik sebanyak 2.3%, mengatasi penanda aras (deposit 12 bulan) sebanyak 1.9%. Dana i-Mekar mengakhiri tahun 2022 dengan

penurunan sebanyak 8.4%, namun berjaya melebihi penanda aras (FTSE Malaysia Emas Shariah) yang ditutup dengan penurunan sebanyak 10.8%, sementara Dana i-Majuk menurun sebanyak 6.8% di bawah penanda aras (FBMS dan deposit 12 bulan) yang berakhir dengan penurunan sebanyak 4.4%.

Walaupun pasaran ekuiti bersifat fleksibel dan dengan peningkatan cabaran sosio-ekonomi yang dihadapi oleh para pelanggan, kami tetap merekabentuk penyelesaian baharu dalam proses perniagaan kami ke arah lebih baik seiring dengan pertambahan pelanggan dan kemajuan masyarakat. Kami memberikan tumpuan yang teliti untuk memahami aspirasi rakyat Malaysia dalam menyediakan sokongan penjagaan kesihatan yang komprehensif di samping membantu mereka menghadapi beban kewangan, dengan manfaat dan peluang pelaburan yang terbaik.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (sambungan)

Komitmen kami dalam membantu masyarakat yang memerlukan adalah terbukti melalui warga kerja, rakan pengedaran serta warga agensi telah kami yang berkembang kepada lebih 10,000 perunding takaful yang berdedikasi. Dengan pengukuhan strategi pengedaran dan usaha digital untuk meningkatkan kebolehcapaian produk dan perkhidmatan, kami dapat menyediakan transaksi perniagaan yang lancar kepada lebih 1.6 juta peserta takaful. Kesungguhan dan kepercayaan semua warga kerja, pelanggan dan rakyat Malaysia telah membawa kepada pengiktirafan Great Eastern Takaful sebagai Pengendali Takaful Keluarga Terbaik (Malaysia) daripada Global Business Outlook pada tahun 2022.

Rentetan Perniagaan 2022

Dalam misi kami untuk meningkatkan kebolehcapaian kepada penyelesaian perlindungan mampu milik di Malaysia, kami telah melancarkan MikroSayang+ sejajar dengan inisiatif kerajaan yang dikenali sebagai Skim Perlindungan Tenang yang bertujuan untuk meningkatkan perlindungan mikrotakaful yang memberi manfaat yang lebih besar dan perlindungan yang lebih luas termasuk kemasukan ke hospital, penyakit kritis, dan kematian dan jumlah dan manfaat hilang upaya kekal (TPD). Selain itu, antara langkah ke arah kemajuan yang diambil adalah pelaksanaan usaha dalam meningkatkan kebolehcapaian melalui perkongsian yang bermanfaat dengan rakan niaga afiniti kami, Axiata Digital Capital yang mempromosikan peluang penebusan Baucar Perlindungan Tenang melalui Boost.

Ekosistem perniagaan kami yang seimbang dihasilkan daripada peningkatan produktiviti perniagaan melalui program segmentasi. Pelancaran pelan perlindungan Guaranteed Issuance Offer (GIO), i-Great Ilham sebagai penawaran takaful berkala telah mendapat sambutan yang baik dengan pengisian hampir 6,300 sijil. Begitu juga dengan beberapa kempen pelanggan lain seperti kempen pulangan tunai, kempen had pengeluaran tahunan (OAL) melalui i-Medi Rider, pengembangan i-Great MediHarapan dan beberapa inisiatif lain telah diperkenalkan untuk menarik perniagaan baharu dan menyokong usaha perekutan warga agensi.

Selain itu, kami memberi keutamaan kepada keperluan pelanggan rakan bancatakuful kami dengan menjalankan pelbagai kempen pelanggan, jualan, taktikal dan program rujukan untuk menjana peluang perniagaan yang lebih menggalakkan, meningkatkan jualan produk sumbangan tetap serta meningkatkan saiz kes purata. Sebagai contoh, Bancatakuful Sales Challenge telah dilancarkan untuk membantu pasukan jualan OCBC dengan pulangan perniagaan yang disasarkan, Kempen Taktikal Affin Islamic dan Hari Banca Mingguan Affin untuk meningkatkan aktiviti lapangan bagi memperoleh peluang jualan yang lebih aktif, pelancaran Takaful Keluarga Kredit Kumpulan (GCFT) di bawah Bank Muamalat Malaysia untuk kekal berada di pasaran dan banyak lagi.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (sambungan)

Amalan kelestarian jangka panjang

Selaras dengan inisiatif Value Based Intermediation for Takaful (VBIT) yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), kami berusaha untuk memenuhi objektif amalan Shariah (maqasid syariah) dalam operasi dan strategi perniagaan kami sambil memberi perhatian kepada keperluan masyarakat yang kurang berasas baik serta komuniti secara amnya sambil melindungi alam sekitar.

Bagi menangani jurang perlindungan segmen berpendapatan rendah (B40), GETB sebagai pentadbir skim mySalam yang dilantik oleh kerajaan sejak tahun 2019 telah meningkatkan usaha mempromosi skim tersebut dan mempertingkat kesedaran orang ramai tentang manfaatnya serta membantu peserta yang layak dengan proses tuntutan. Secara kumulatif, mySalam telah membantu hampir 2 juta rakyat Malaysia daripada jumlah 11.2 juta peserta yang dilindungi dan pada tahun 2022, jumlah pembayaran tuntutan mencecah RM350 juta.

Seiring dengan usaha mySalam, kami berusaha untuk menjadi sebuah syarikat yang berorientasikan nilai dan memperkasakan masyarakat melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan mesra alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat (environmental, social and corporate governance, ESG). Sebagai sebahagian daripada strategi perniagaan kami untuk menyokong agenda kelestarian, kami membangunkan dana berkaitan pelaburan iaitu Dana i-Ekuiti Global yang merangkumi sektor dana hijau dengan skor ESG yang tinggi melalui kerjasama erat dengan pengurus dana.

Antara usaha utama lain bagi memastikan kelestarian adalah dengan memelihara alam sekitar, terutamanya melalui pengurangan penggunaan plastik dan penggunaan semula (upcycling) plastik terpakai. Kami bekerjasama dengan sebuah organisasi yang menyokong pengurangan pencemaran plastik, menukar bahan buangan menjadi bahan yang boleh digunakan semula dan mengitar semulanya untuk memelihara alam sekitar. Sebuah mesin kitar semula 2-dalam-1 juga telah diperolehi di samping pelancaran bilik kelestarian untuk menerapkan budaya kitar semula di kalangan warga kerja serta terus giat menjalankan program kesedaran alam sekitar bersama masyarakat, sekolah dan pelajar universiti.

Melangkah ke tahun 2023, kami terus berpegang teguh pada nilai-nilai teras dan komitmen kami untuk melaksanakan yang terbaik untuk semua pelanggan, rakan niaga dan pengedaran serta pelabur kami. Bagi pihak Great Eastern Takaful, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan kepercayaan anda yang berterusan kepada kami sebagai penyedia takaful pilihan anda. Kami berharap untuk terus menerajui masa depan yang lebih mampan bersama anda.

Semoga Allah SWT melimpahkan petunjuk-Nya dalam segala hal yang kita lakukan, Amin.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

Bagi pihak Great Eastern Takaful Berhad,
SHAHRUL AZLAN SHAHRIMAN
Ketua Pegawai Eksekutif

JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET LIABILITI



Ahli Jawatankuasa

Shahrul Azlan bin Shahriman (Pengerusi)

Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Takaful Berhad

Jasveen Kaur Marne

Ketua Pegawai Kewangan, Great Eastern Takaful Berhad

Max Goh Khim Yao

Aktuari Yang Dilantik, Great Eastern Takaful Berhad

Nik Ikhwan Nik Mahmood

Pengurus Kanan Portfolio - Saham, Pelaburan Ekuiti, Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

Leong Yu Ting

Penolong Naib Presiden, Pengurusan Risiko Kewangan, Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

Nurul Sheila Khalib

Ketua, Pemasaran, Great Eastern Takaful Berhad

JAWATANKUASA SYARIAH

Ahli Jawatankuasa

Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz (Pengerusi)

(bersara pada 12 Disember 2022 kerana tamat tempoh)

Dr. Mohamad Sabri bin Zakaria

(bersara pada 12 Disember 2022 kerana tamat tempoh)

Assoc. Prof. Dr. Siti Salwani binti Razali

Dr. Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta

(dilantik sebagai Pengurus berkuanfausa
13 Disember 2022)

Dr. Ahmad Basri bin Ibrahim

(dilantik sebagai ahli berkuanfausa 1 Jun 2022)

Dr. Muhammad Naim bin Omar

(dilantik sebagai ahli berkuanfausa 7 Jun 2022)

Dr. Muhammad Pisol bin Mat Isa

(dilantik sebagai ahli berkuanfausa
13 Disember 2022)

Dr. Nurul Aini binti Muhammed

(dilantik sebagai ahli berkuanfausa
13 Disember 2022)

OBJEKTIF-OBJEKTIF DANA

Dana i-Makmur

Sebuah dana yang melabur di dalam sekuriti Islam pendapatan tetap, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (daripada 40% hingga 100%) dan bakinya dilabur didalam deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan konsisten pada pergolakan berparas rendah. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, ia boleh juga dilaburkan didalam sekuriti Islam pendapatan tetap di luar negara (sehingga 50%) untuk meningkatkan pulangan dana. Dana i-Makmur hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Mekar


Sebuah dana di mana 80% hingga 100% pelaburannya adalah di dalam ekuiti patuh Syariah, yang mungkin bergolak dalam jangka pendek, dan juga deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memperoleh peningkatan modal jangka sederhana ke panjang. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%) bila dan jika perlu bagi meningkatkan pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Majmuk

Sebuah dana yang melabur di dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti pendapatan tetap dan deposit patuh Syariah. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset kerana dana ini boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti patuh Syariah sepenuhnya. Dana ini bertujuan untuk memberikan peningkatan modal jangka sederhana ke panjang, dengan pergolakan pada paras sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Ekuiti Global

Sebuah dana yang melabur dalam portfolio antarabangsa ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan yang baik. Dana ini akan melabur sembilan puluh peratus (90%) hingga seratus peratus (100%) daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah. Baki NAB dana ini akan dilaburkan dalam aset cair Islam dan/atau akan dipegang secara tunai. Dana i-Ekuiti Global hanya melabur di dalam sekuriti patuh Syariah.



ULASAN DAN PROSPEK PELABURAN

“ Sementara itu, tahun 2022 bagi negara-negara lain di dunia mungkin merupakan salah satu tahun yang paling penting dalam pasaran kadar global. Semasa Bank of England (BOE) memperketatkan dasar untuk melawan inflasi, Canselor UK Kwasi Kwarteng mengumumkan dasar fiskal yang mengejutkan dengan pemotongan subsidi tenaga dan cukai utama pada September 2022 (yang kemudiannya dimansuhkan).

”

Tinjauan Pasaran Ekuiti 2022

Jangkaan untuk penerusan aktiviti ekonomi global yang kukuh seperti yang disaksikan pada awal tahun 2021 (setelah bermulanya pandemik Covid-19 pada Mac 2020) adalah sedikit tergugat apabila Rizab Persekutuan AS (US Federal Reserve, Feds) memberi isyarat bahawa kadar faedah akan dinaikkan lebih awal daripada yang dijangka bagi menangani kenaikan inflasi. Serangan ke atas Ukraine oleh tentera Rusia pada 24 Februari 2022 memburukkan lagi persekitaran inflasi yang tidak stabil disebabkan oleh gangguan bekalan komoditi utama yang dieksport dari Rusia (minyak mentah, gas asli, baja) dan Ukraine (minyak bunga matahari, gandum). Minyak mentah Brent melonjak ke paras tertinggi pada \$130/tong menjelang akhir suku tahun pertama. Pematuhan ketat China terhadap dasar sifar COVID dan sekatan pergerakan di hab

pembuatan utama menyebabkan penghentian selanjutnya di tapak pengeluaran di rantaian dan penutupan pelabuhan. Ini telah menyebabkan gangguan kepada rantaian bekalan global yang sudah mengalami tekanan. Dalam menghadapi inflasi yang semakin meningkat di AS, Rizab Persekutuan menaikkan kadar Dana Fed kepada 4.25%-4.50% semasa mesyuarat dasar monetari terakhirnya pada tahun 2022. Ini mendorong kos pinjaman meningkat ke paras tertinggi sejak tahun 2007, dan sejajar dengan jangkaan pasaran. Ia merupakan kenaikan kadar yang ketujuh berturut-turut, selepas empat kenaikan sebanyak tiga suku mata berurutan. Malaysia keluar mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 yang akhirnya menyaksikan pelantikan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10 negara.

Ketidakstabilan yang ketara menjadi cabaran utama yang pelabur hadapi pada tahun 2022, dengan kebanyakan pasaran saham global mengambil petunjuk nyata bank pusat, inflasi yang semakin meningkat, dasar kawalan pergerakan agresif China, dan kesan konflik Rusia-Ukraine. Pasaran maju yang besar mencatatkan pulangan negatif apabila keimbangan meningkat tentang pendapatan korporat dan kemelesetan ekonomi akibat kenaikan kadar faedah yang agresif. Dalam negeri, FBM KLCI mengakhiri tahun dengan pulangan -4.6% manakala FBM Shariah memberikan pulangan -10.8%. Aliran masuk pelaburan asing mencatatkan aliran positif buat kali pertama dalam beberapa tahun, dengan aliran masuk berjumlah RM4.4bn.

Ulasan dan Prospek Pelaburan (sambungan)

Tinjauan Pasaran Pendapatan Tetap 2022

Tahun 2022 merupakan salah satu tahun terburuk dalam sejarah pasaran bon Amerika Syarikat, dengan pencatatan pulangan tahunan sebanyak -12.5% (2021: -2.3%). Hasil Perbendahaan AS untuk tempoh 10 tahun melonjak sebanyak 236 mata asas (bps) pada tahun 2022, didorong oleh tekanan inflasi yang memaksa Rizab Persekutuan (FED) menaikkan kadar penanda arasnya secara agresif. Sejak Mac 2022, FED telah menaikkan kadar penanda arasnya sebanyak tujuh kali dalam tempoh satu tahun, dengan jumlah 425 mata asas. Ini merupakan kitaran kenaikan kadar paling mendadak sejak awal 1980-an. Bank-bank pusat di seluruh dunia mengikuti langkah-langkah Bank Persekutuan Amerika Syarikat untuk memperketat dasar kewangan masing-masing kerana inflasi global masih berada pada tahap yang tertinggi dalam sejarah. Inflasi sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh pencerobohan Rusia ke atas Ukraine pada akhir Feb22. Harga minyak melonjak melebihi \$120 setong berikutan sekatan yang dikenakan ke atas Rusia, salah satu pengeluar tenaga dan bahan mentah terbesar di dunia.

Sementara itu, tahun 2022 bagi negara-negara lain di dunia mungkin merupakan salah satu tahun yang paling penting dalam pasaran kadar global. Semasa Bank of England (BOE) memperketatkan dasar untuk melawan inflasi, Canselor UK Kwasi Kwarteng mengumumkan dasar fiskal yang mengejutkan dengan pemotongan subsidi tenaga dan cukai utama pada September 2022 (yang kemudiannya dimansuhkan). Nilai GBP merosot, dan bon kerajaan UK (Gilt) jatuh, dengan hasil Gilt 10 tahun meningkat sebanyak 68 mata asas dalam masa dua hari sahaja. Apabila jualan bon kerajaan Gilt menjadi tidak terkawal, BOE mengumumkan pembelian sementara bon kerajaan jangka panjang untuk mengurangkan ketidaktentuan dan ketidakpastian dalam pasaran bon kerajaan UK. Sementara itu, Bank of Japan (BOJ) mengejutkan pasaran apabila ia mengumumkan perubahan dasar yang tidak dijangka dengan membenarkan kadar faedah untuk meningkat lebih banyak, menyebabkan lonjakan hasil bon kerajaan dan mengukuhkan nilai Yen Jepun menjelang akhir tahun 2022. Peserta pasaran menganggap tindakan tersebut sebagai petunjuk bahawa BOJ akhirnya mengambil keputusan untuk memberhentikan rangsangan monetari yang berterusan berikutan tekanan inflasi yang semakin meningkat, dan mungkin akan memulakan kitaran normalisasi yang pertama dalam beberapa tahun. Di China, pihak berkuasa akhirnya memutuskan untuk menamatkan langkah-langkah penutupan ketat Covid selama tiga tahun. Kelonggaran ini menimbulkan kebimbangan bagi sesetengah negara kerana jangkaan kemasukan besar pelancong China mungkin sekali lagi menyebabkan satu lagi penularan wabak Covid.

Di dalam negara, Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) melanjutkan trend merudum berbanding tahun sebelumnya, dengan keluk hasil menurun dengan ketara. Hasil MGS meningkat 30-140 mata asas merentas keluk dengan hasil MGS 10y meningkat sebanyak 45 mata asas kepada 4.07%, seiring dengan pergerakan hasil global. Apabila Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan kadar dasar sebanyak 100 mata asas pada tahun 2022, taburan antara MGS dan hasil perbendahaan AS diperketat dengan ketara. Mata wang Ringgit adalah semakin rendah berbanding Dolar AS ditambah dengan aliran keluar pelaburan asing daripada bon tempatan. Dari segi pengembangan yang lebih positif, Ringgit dan pasaran bon tempatan sebahagiannya memperoleh semula keuntungan menjelang akhir tahun, berikutan pembentukan kerajaan gabungan baharu dan pelantikan Perdana Menteri baharu, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim. Risiko politik telah berkurangan dengan ketara, walaupun ketidaktentuan masih banyak berlaku. Pasaran bon Malaysia mengakhiri tahun dengan pulangan positif yang kecil.

“ Di dalam negara, Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) melanjutkan trend merudum berbanding tahun sebelumnya, dengan keluk hasil menurun dengan ketara. ”

Ulasan dan Prospek Pelaburan (sambungan)

“ Konsensus meramalkan Pertumbuhan Dalam Negara Kasar (KDNK) akan berkembang melebihi 4% pada tahun 2023 dan ini memberikan keyakinan ketika ekonomi global yang sedang mengalami kelembapan. ”

Tinjauan Pasaran Ekuiti 2023

Pertumbuhan global kekal lemah pada akhir tahun 2022 dengan keduanya pembuatan dan perkhidmatan mengalami trend penurunan. Indeks KPMI Global Komposit kekal rata pada bulan Disember, namun komponen pesanan baharu yang terkehadapan jatuh semula dan data perdagangan global utama kekal tertekan dengan dinamik yang lemah di pusat dagangan Asia. Dari segi perkembangan positif, tekanan harga rantaian bekalan semakin berkurangan dengan kejatuhan harga tenaga dan harga barang disinflasi. Bagaimanapun, bank-bank pusat mengekalkan pendirian konservatif mereka berikutnya tumpuan mereka pada pasaran buruh yang ketat dan inflasi perkhidmatan yang tinggi. Data makro ekonomi global akan dipantau dengan teliti untuk menilai kesan kenaikan kadar yang agresif pada tahun lepas dan sama ada ekonomi maju utama boleh mengelakkan kemelesetan global. Walaupun pengawalan seterusnya dijangka berlaku pada separuh pertama tahun 2023, penghujung kitaran kenaikan kadar semakin hampir. Pembukaan

semula China akan menyaksikan pemulihan yang dipacu oleh penggunaan yang bermanfaat daripada pertengahan tahun 2023 yang dijangka akan mendorong pertumbuhan sepanjang tahun melebihi 5%.

Di Malaysia, tumpuan pelabur mungkin tertumpu kepada kestabilan Kerajaan Perpaduan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan keupayaan beliau untuk menunaikan janji kempen. Permintaan domestik dijangka kekal teguh dengan pemulihan berterusan sektor yang berkaitan pelancongan dan kadar simpanan isi rumah yang masih baik. Kepantasan pembukaan semula China akan memainkan peranan penting dalam tinjauan penggunaan negara memandangkan Malaysia berada di tempat kedua selepas Thailand sebagai destinasi pelancongan untuk pelancong China. Permintaan dalam negeri yang kukuh dipadukan dengan aliran masuk Pelaburan Langsung Asing yang mantap menjelang tahun 2023 akan membantu mengurangkan kesan negatif tekanan luar. Konsensus meramalkan Pertumbuhan Dalam Negara Kasar (KDNK) akan berkembang melebihi 4% pada tahun 2023 dan ini memberikan keyakinan ketika ekonomi global yang sedang mengalami kelembapan.

Tinjauan Pasaran Pendapatan Tetap 2023

Bank Dunia meramalkan ekonomi global akan perlana daripada 2.9% pada 2022 kepada 1.7% pada tahun 2023. Keadaan kewangan yang semakin meruncing, pandemik Covid yang berpanjangan dan pencerobohan Rusia ke Ukraine yang berterusan, meningkatkan risiko kemelesetan akibat kenaikan kadar yang agresif memberi kesan kepada prospek pertumbuhan. Walaupun kitaran monetari global yang semakin terhad mungkin menghampiri penghujungnya, Fed sekali lagi menekankan bahawa usaha menentang inflasi masih belum selesai, kerana masih belum jelas berapa lama dan sejauh mana inflasi akan kekal. Hasil bon global dijangka kekal tidak menentu kerana inflasi yang tinggi dan risiko kemelesetan biasanya menimbulkan kekeliruan dalam dasar.

Di peringkat domestik, ramai yang menjangka Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus meningkatkan kadar penanda aras pada tahun 2023. Hasil bon telah pun dinilai mengikut potensi kenaikan kadar, dan mungkin menurun jika kenaikan tersebut tidak berlaku. Dari segi dasar, perhatian semua pihak akan tertumpu pada cara kerajaan baharu mengendalikan isu-isu politik yang paling mendesak seperti kos sara hidup dan penyambungan semula konsolidasi fiskal serta agenda untuk frasa seterusnya bagi pembangunan dan pertumbuhan negara. Cabaran terus wujud bagi pasaran bon disebabkan oleh faktor-faktor luaran yang tidak menentu yang termasuk impak bersih pembukaan semula China, situasi geopolitik yang berterusan, dan peralihan kitaran kadar seterusnya oleh Fed AS yang telah lama dinantikan.

PRESTASI DANA 2022



Prestasi Dana 2022 (sambungan)



PERBANDINGAN PRESTASI DANA

Dana i-Makmur

	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)
(I) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Persyarikatan Modal Hibrid	968,040	0.73%	-	-	-	-	-	-	-	-
Bahan Pembinaan/ Pembangunan	4,513,875	3.39%	6,138,420	5.16%	6,298,185	5.83%	6,256,065	8.11%	6,055,890	11.45%
Kewangan	10,862,450	8.16%	5,981,660	5.02%	1,111,370	1.03%	22,138,735	28.73%	19,174,715	36.24%
Lebuhraya	-	-	814,464	0.68%	835,680	0.77%	769,464	1.00%	696,088	1.32%
Minyak & Gas	15,991,005	12.02%	1,513,605	1.27%	-	-	-	-	-	-
Lain-lain	3,021,660	2.27%	-	-	11,374,880	10.53%	-	-	-	-
Tenaga	36,970,182	27.77%	30,341,823	25.50%	37,775,316	34.97%	9,168,743	11.90%	3,872,802	7.32%
Hartanah	5,114,900	3.84%	13,112,836	11.02%	2,842,060	2.63%	2,732,834	3.55%	2,622,958	4.96%
Runcit	-	-	-	-	-	-	-	-	1,002,460	1.89%
Telekomunikasi	10,022,465	7.53%	2,926,740	2.46%	3,102,720	2.87%	-	-	-	-
Pegangan Pelaburan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pengangkutan	1,263,108	0.95%	5,624,140	4.73%	1,408,968	1.30%	1,352,424	1.76%	904,977	1.71%
Utiliti	16,833,480	12.66%	15,147,150	12.73%	-	-	-	-	1,277,748	2.41%
105,561,165	79.32%	81,600,838	68,57%	64,749,179	59,93%	42,418,265	55,05%	35,607,638	67.30%	
Aset berisiko rendah										
Terbitan Kerajaan	4,294,700	3.23%	17,841,090	14.99%	33,490,000	30.99%	17,537,020	22.76%	-	-
Deposit dengan institusi	20,180,000	15.17%	17,700,000	14.87%	8,300,000	7.68%	15,600,000	20.25%	16,000,000	30.24%
kewangan Islam	74,301	0.06%	195,991	0.16%	771,186	0.71%	433,518	0.57%	189,422	0.36%
Tunai dan haki bank	2,952,851	2.22%	1,657,715	1.40%	743,596	0.69%	1,056,241	1.37%	1,113,200	2.10%
Lain-lain asset/(liabiliti)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	133,063,017	100.00%	118,995,634	100.00%	108,053,961	100.00%	77,051,044	100.00%	52,910,260	100.00%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Makmur (sambungan)

	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)
(I) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	133,063,017	-	118,995,634	-	108,053,961	-	77,051,044	-	52,910,260	-
(II) Bilangan Unit	67,565,773	-	62,111,073	-	55,376,584	-	43,440,902	-	32,643,493	-
(IV) NAV setiap unit	1.969	-	1.916	-	1.951	-	1.774	-	1.621	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.943	-	1.944	-	1.956	-	1.767	-	1.621	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.856	-	1.853	-	1.757	-	1.589	-	1.508	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Pertumbuhan modal	-	2.32%	-	-2.06%	-	10.36%	-	10.60%	-	5.37%
(VIII) Jumlah pulangan (%)										
Satu tahun	-	2.32%	-	-2.06%	-	10.36%	-	10.57%	-	5.37%
Tiga tahun	-	10.59%	-	19.51%	-	28.58%	-	23.82%	-	21.67%
Lima tahun	-	28.85%	-	33.83%	-	48.47%	-	42.73%	-	35.12%
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan - Deposit Mudharabah 12 Bulan (%)										
Satu tahun	-	1.93%	-	1.61%	-	2.06%	-	2.94%	-	2.94%
Tiga tahun	-	5.71%	-	6.75%	-	8.15%	-	9.08%	-	9.27%
Lima tahun	-	12.01%	-	13.12%	-	14.80%	-	16.09%	-	16.39%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Mekar

	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)
(I) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Ekuuit patauh syariah										
Pertanian & Pelombongan Bahan Pembinaan/	31,106,307	9.62%	1,989,778	0.68%	3,057,088	1.24%	15,570,797	9.10%	12,660,309	10.55%
Pembangunan Konglomerat	16,701,700	5.18%	16,518,815	5.65%	14,120,640	5.72%	933,255	0.55%	2,272,998	1.89%
Pembinaan Kewangan	9,746,620	3.01%	16,924,121	5.78%	13,155,761	5.32%	5,412,117	3.16%	7,247,785	6.04%
Perkhidmatan IT	10,114,665	3.13%	10,065,597	3.44%	14,207,298	5.76%	4,904,404	2.86%	3,031,554	2.53%
Infrastruktur	2,073,798	0.64%	3,539,400	1.21%	6,070,534	2.45%	1,901,680	1.11%	1,753,300	1.46%
Perkhidmatan Pelancongan	-	-	-	-	-	-	-	-	736,274	0.61%
Motor	12,817,239	3.96%	8,704,788	2.98%	705,550	0.29%	-	-	-	-
Minyak & Gas	37,031,581	11.45%	37,330,095	12.76%	33,553,746	12.55%	5,698,792	3.32%	8,816,226	73.5%
Lain-lain	38,658,114	11.95%	27,904,654	9.54%	11,644,296	4.72%	27,443,266	16.04%	18,276,721	15.23%
Lain-lain - Pembinaan Hartanah	7,411,705	2.28%	3,390,383	1.16%	14,358,366	5.81%	8,100,868	3.17%	3,131,590	2.61%
Institusi Kuasi-Kerajaan Teknologi	4,954,881	1.52%	8,990,085	3.07%	9,699,903	3.93%	18,398,662	4.74%	1,567,500	1.31%
Telekomunikasi	2,135,220	0.66%	2,572,965	0.88%	-	-	-	-	12,103,490	10.09%
Perdagangan & Peruncitan Pengangkutan	25,008,447	7.72%	26,693,221	9.12%	14,526,485	5.88%	425,000	0.25%	-	-
Utiliti	43,571,579	13.48%	43,850,623	14.99%	43,261,171	17.52%	19,015,655	11.10%	9,844,184	8.20%
Tunai dan baki bank	6,419,682	1.99%	9,244,477	3.16%	-	-	867,024	0.51%	-	-
Jumlah	323,261,589	100.00%	292,557,060	100.00%	246,859,523	100.00%	171,728,33	100.00%	119,996,016	100.00%
Deposit dengan institusi kewangan Islam	-	-	-	-	-	-	99,668,746	83.07%	-	-
Tunai dan baki bank	35,377,562	10.99%	5,000,000	1.71%	29,900,000	12.11%	22,600,000	13.20%	22,900,000	19.08%
Jumlah asset/liabiliti)	6,146,003	1.90%	23,757,025	8.12%	614,109	0.25%	424,590	0.25%	485,389	0.40%
	323,261,589	100.00%	292,557,060	100.00%	246,859,523	100.00%	171,728,33	100.00%	119,996,016	100.00%

Dana i-Mekar (sambungan)
Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)
(I) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	323,260,589	-	292,557,060	-	246,859,523	-	171,172,833	-	119,996,016	-
(II) Bilangan Unit	206,118,175	-	172,147,986	-	141,554,774	-	111,736,538	-	82,486,914	-
(III) NAV setiap unit	1.568	-	1,699	-	1,7444	-	1,532	-	1,455	-
(IV) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.679	-	1,777	-	1,760	-	1,579	-	1,689	-
(V) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,422	-	1,628	-	1,226	-	1,433	-	1,407	-
(VI) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)										
Pertumbuhan modal	-	-8.42%	-	-2.77%	-	13.47%	-	5.89%	-	-11.19%
(VII) Jumlah pulangan (%)										
Satu tahun	-	-8.42%	-	-2.77%	-	13.47%	-	5.89%	-	-11.19%
Tiga tahun	-	-1.05%	-	16.83%	-	6.70%	-	7.45%	-	0.35%
Lima tahun	-	-1.05%	-	18.55%	-	20.57%	-	12.84%	-	0.84%
(VIII) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan - FBM100										
Satu tahun	-	-10.80%	-	-6.81%	-	10.14%	-	3.85%	-	-13.52%
Tiga tahun	-	-8.45%	-	6.59%	-	-1.08%	-	-0.55%	-	-10.13%
Lima tahun	-	-17.77%	-	2.07%	-	2.80%	-	-4.47%	-	-11.85%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Majmuk

	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)
(I) Komposisi dananya mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Ekuai patuh syariah Pertanian & Petrolombongan	7,652,470	7.94%	3,053,446	3.42%	3,834,202	4.92%	2,857,400	4.48%	2,107,700	4.31%
Bahan Pembinaan/ Pembangunan Konglomerat	4,400,008	4.55%	4,618,322	5.15%	4,230,238	5.42%	395,250	0.62%	410,550	0.84%
Pembinaaan Kewangan	4,237,616	4.37%	4,155,617	4.64%	2,673,428	3.43%	1,478,200	2.31%	1,233,250	2.52%
Penitribuan Infrastruktur	4,155,009	4.31%	4,364,262	4.87%	3,089,804	3.96%	882,789	1.37%	2,340,730	4.79%
Kewangan	967,785	1.00%	290,540	0.32%	1,434,078	1.84%	939,000	1.47%	356,000	0.73%
Perkhidmatan IT	-	-	488,800	0.55%	-	-	-	-	-	-
Perkhidmatan Pelancongan Motor	-	-	-	-	319,300	0.41%	-	-	173,250	0.35%
Minyak & Gas	8,352,920	8.65%	11,240,356	12.54%	12,797,348	16.40%	6,549,575	10.27%	5,908,896	12.08%
Lain-lain	6,248,430	6.48%	7,007,965	7.83%	2,429,993	3.12%	1,486,300	2.33%	1,130,400	2.31%
Lain-lain - Pembinaan Hartanah	8,822,227	9.92%	5,438,153	6.09%	10,908,549	14.00%	1,550,876	2.43%	-	-
Institusi Kuasi-Kerajaan	389,520	0.40%	1,317,599	1.47%	499,010	0.64%	2,272,300	3.56%	1,684,150	3.44%
Teknologi	88,426,060	9.92%	856,575	0.96%	1,103,380	1.41%	-	-	-	-
Telecommunication	8,905,051	9.10%	5,718,760	6.38%	6,318,355	8.10%	253,300	0.40%	225,000	0.46%
Perdagangan & Peruncitan Pengangkutan	9,988,712	10.34%	12,635,526	14.09%	6,945,612	8.90%	4,204,962	6.60%	3,438,450	7.03%
Utiliti	4,468,401	0.46%	867,160	0.97%	855,380	1.10%	-	-	245,700	0.50%
1,635,688	1.70%	3,462,225	3.86%	1,738,110	2.23%	668,000	1.05%	804,000	1.64%	
4,141,872	4.28%	5,699,9226	6.36%	5,140,093	6.59%	7,028,300	11.01%	4,591,000	9.38%	
64,129,969	66.42%	71,963,072	80.33%	64,316,680	82.47%	32,575,052	51.05%	27,302,076	55.81%	
Sukuk Korporat & Instrumen pasaran Modal Hibrid										
Lebuhraya	-	-	-	-	-	-	-	-	2,110,640	4.32%
Hartanah	1,005,000	1.04%	1,031,940	1.15%	1,059,520	1.36%	1,030,690	1.62%	-	-
Telekomunikasi	2,903,840	3.01%	9,951,160	2.18%	2,068,480	2.65%	2,670,450	4.19%	1,000,270	2.04%
Pengangkutan	142,740	0.15%	154,370	0.17%	-	-	-	-	-	-
4,051,580	4.20%	3,137,470	3.50%	3,128,000	4.01%	3,701,140	5.81%	3,110,910	6.37%	
Aset berisiko rendah										
Lain-lain	-	-	-	-	3,315,030	4.25%	13,062,500	20.47%	1,021,550	2.09%
Deposit dengan institusi	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kewangan Islam	12,000,000	12.39%	5,000,000	5.58%	7,000,000	8.95%	14,600,000	22.88%	19,600,000	40.06%
Tunai dan baki bank	13,876,665	14.36%	9,513,545	10.62%	620,752	0.80%	90,619	0.14%	238,213	0.49%
Lain-lain asset/(liabiliti)	2,573,724	2.63%	16,295	-0.01%	(357,442)	-0.48%	(223,012)	-0.36%	(2,352,211)	-4.81%
96,631,938	100.00%	89,607,792	100.00%	78,023,020	100.00%	63,806,299	100.00%	48,920,538	100.00%	

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Majmuk (sambungan)

	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)
(I) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	96,631,938	-	89,607,792	-	78,023,020	-	63,806,299	-	48,920,538	-
(II) Bilangan Unit	69,984,160	-	60,951,591	-	50,718,283	-	43,454,023	-	35,373,529	-
(III) NAV setiap unit	1.381	-	1.470	-	1.538	-	1.468	-	1.383	-
(IV) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.457	-	1.556	-	1.654	-	1.494	-	1.478	-
(V) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.271	-	1.406	-	1.198	-	1.369	-	1.355	-
(VI) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)		-6.81%	-	-4.17%	-	4.21%	-	6.83%	-	-4.38%
(VII) Pertumbuhan modal		-								
(VIII) Jumlah pulangan (%)		-6.81%	-	-4.17%	-	4.21%	-	6.83%	-	-4.38%
Satu tahun		-6.93%	-	6.68%	-	6.46%	-	14.39%	-	6.00%
Tiga tahun		-4.93%	-	14.23%	-	18.01%	-	20.97%	-	6.91%
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan - "Tanda Aras Wajiran 50% berat pada Pulangan Deposit Tetap 12 bulan dan 50% berat pada Pulangan FBMS		-4.44%	-	-2.60%	-	6.10%	-	3.40%	-	-5.29%
Satu tahun		-1.37%	-	6.67%	-	3.53%	-	4.26%	-	-0.43%
Tiga tahun		-2.88%	-	7.60%	-	8.80%	-	5.81%	-	2.27%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Ekuiti Global

PENYATA OLEH PENGURUS

Kami, Shahrul Azlan Bin Shahriman dan Jasveen Kaur Marne, menyatakan bahawa, pada pendapat Great Eastern Takaful Berhad (“Pengurus”), maklumat kewangan mengiringi Dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad, yang terdiri daripada Dana i-Makmur, Dana i-Mekar, Dana i-Majmuk dan Dana i-Ekuiti Global yang dibentangkan pada mukasurat 23 hingga 48 telah disediakan selaras dengan polisi-polisi perakaunan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Pengurus,

Shahrul Azlan Bin Shahriman

Jasveen Kaur Marne

Kuala Lumpur, Malaysia

7 April 2023

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Kepada pemegang-pemegang unit dana-dana berkaitan pelaburan Great Eastern Takaful Berhad,

Kami, Dr. Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta dan Dr. Siti Salwani binti Razali, selaku dua orang ahli Jawatankuasa Shariah untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar, Dana i-Majmuk dan Dana i-Ekuiti Global (secara kolektifnya dikenali sebagai “Dana-dana”) berpendapat bahawa Great Eastern Takaful Berhad (“Pengurus”), telah memenuhi tanggungjawab mereka dalam cara-cara berikut untuk tahun kewangan 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022.

Pada pendapat kami, bagi tempoh kewangan dibawah tinjauan:

- a. Dana i-Makmur telah dilaburkan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad;
- b. Dana i-Mekar dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- c. Dana i-Majmuk dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad;
- d. Dana i-Ekuiti Global telah dilaburkan mengikut senarai ekuiti yang diluluskan Syariah tempatan dan asing yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan Morgan Stanley Capital International All Country World Index (MSCI ACWI) Islamic Index; dan
- e. Pendapatan yang diperolehi dari aset-aset yang dilaburkan atau cara-cara yang tidak mematuhi prinsip Syariah telah dilupuskan melalui kerja-kerja kebajikan.

Ditandatangani bagi pihak Jawatankuasa Syariah,

Dr. Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta

Dr. Siti Salwani binti Razali

Kuala Lumpur, Malaysia
7 April 2023

LAPORAN JURUAUDIT LUAR

Kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan
Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai Audit Maklumat Kewangan

Pendapat Kami

Pada pendapat kami, maklumat kewangan Dana-dana memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2022, selaras dengan dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Apa yang telah diaudit oleh kami

Kami telah mengaudit penyata kewangan untuk Dana-dana, yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2022, penyata perbelanjaan dan pendapatan, penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi tahun berakhir tersebut, dan ringkasan polisi perakaunan yang penting , seperti yang dinyatakan pada muka surat 23 hingga 48.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut diuraikan dengan lebih lanjut didalam seksyen “*Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan laporan*” ini.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas bagi pendapat kami.

Penekanan perkara - asas perakaunan dan sekatan ke atas pengagihan dan penggunaan

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2.2 kepada maklumat kewangan Dana-dana, yang menjelaskan dasar perakaunan. Maklumat kewangan disediakan untuk membantu Dana-dana dalam memenuhi syarat Garis Panduan Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, maklumat kewangan Dana-dana mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami adalah bertujuan semata-mata untuk pemegang sijil Danadana, sebagai sebuah badan dan tidak boleh diagihkan kepada atau digunakan oleh pihak lain selain daripada Dana-dana. Pendapat kami tidak diubahsuai berkenaan dengan perkara ini.

Kebebasan dan tanggungjawab etika yang lain

Kami beroperasi secara bebas daripada dana dana menurut Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang Kecil”) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional bagi Akauntan (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi tanggungjawab beretika yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Laporan Juruaudit Luar Kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia) (sambungan)

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

Para Pengarah Great Eastern Takaful Berhad (“Pengurus”) bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Dana Dana Berkaitan Pelaburan, tetapi tidak termasuk maklumat kewangan dana dana dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami ke atas maklumat kewangan Dana Dana tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulannya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas maklumat kewangan Dana Dana, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara matan dengan penyata kewangan Syarikat atau maklumat yang kami perolehi daripada pengauditan atau sebaliknya menampakkan salah nyata yang matan.

Sekiranya, berdasarkan kepada pengauditan yang telah kami melaksanakan pada maklumat lain, yang kami perolehi sebelum tarikh laporan audit ini kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang matan dalam maklumat lain tersebut, kami dikehendaki melaporkan maklumat tersebut. Sehubungan itu, kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk dilaporkan.

Tanggungjawab Para Pengarah Pengurus ke atas maklumat kewangan

Para Pengarah Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan maklumat kewangan Dana-dana yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang sewajarnya bagi memastikan penyediaan maklumat kewangan Dana Dana yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan maklumat kewangan, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan sepertimana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan asas usaha berterusan melainkan sekiranya para Pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Dana-dana atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Pengurus bertanggungjawab untuk memantau proses pelaporan kewangan Dana-dana.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada maklumat kewangan Dana-dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap kepastian yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara jika ia wujud. Salah nyata boleh timbul akibat penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau agregat, boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan maklumat kewangan ini.

Laporan Juruaudit Luar

Kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia) (sambungan)

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan (sambungan)

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan audit. Kami juga:

- (a) Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam maklumat kewangan Danadana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, menyediakan dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, maklumat yang sengaja ditinggalkan, gambaran yang salah, atau melanggar prosedur/prosedur kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana-dana.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan dan anggaran perakaunan yang digunakan dan juga menilai nota-nota kepada maklumat kewangan yang dibuat oleh para Pengurus.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para Pengurus dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian matan berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan dana-dana meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian matan wujud, kami dikehendaki menyertakannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam maklumat kewangan Dana-dana atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Dana-dana menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

Kami berkomunikasi dengan para Pengurus mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan pemasaran audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan kami.

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini disediakan khusus bagi pemegang sijil Dana-dana, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain berhubung kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT

LLP0014401-LCA & AF 1146

Akauntan-akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

7 April 2023

PENYATA ASET DAN LIABILITI

pada 31 Disember 2022

Nota	2022				2021			
	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Ekuiti Global RM	Dana i-Maknur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Ekuiti Global RM
Asset								
Pelaburan	3	109,855,865	281,737,024	68,181,549	2,201,710	99,441,928	261,788,056	75,100,542
Cukai/belum terima		-	1,930,402	233,410	4	-	65,125	164,849
Asset cukai tertunda	4	225,467	480,906	303,668	5,310	103,812	4,033	-
Lain-lain penghutang	6	6,220,612	22,827,093	19,393,752	1,591,670	8,349,980	13,871,757	12,037,652
Tunai dan baki bank		20,254,301	35,377,562	25,876,665	229,334	17,895,991	28,757,025	14,513,545
Jumlah asset		136,556,245	342,352,987	113,989,044	4,028,028	125,791,711	304,485,996	101,816,588
Liabiliti								
Peruntukan bagi cukai	7	3,060,464	19,092,398	17,357,106	1,425,753	6,619,789	11,928,936	12,158,007
Liabiliti cukai tertunda	4	-	-	-	-	-	-	50,789
Lain-lain pembiutan	9	432,764	-	-	-	176,288	-	-
